

Aspek Kala Dalam Nahu Melayu Abad ke-17: Perspektif Orang Belanda

Karim Harun

linguist@ukm.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Maslida Yusof

maslida@ukm.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Bahasa Melayu tidak mempunyai sistem kala seperti bahasa Latin, Inggeris, dan Belanda. Dalam bahasa Melayu, kala atau waktu sesuatu pekerjaan dilakukan sering kali tidak dinyatakan, kerana pendengar boleh menentukan waktunya berdasarkan hubungan dan konteks sesuatu ujaran. Namun, dalam pemerhatian awal oleh orang Belanda, bahasa Melayu dilihat dari perspektif yang sama dengan bahasa Belanda. Bahasa Melayu juga dianggap mempunyai penanda kata kerja seperti bahasa Belanda. Berdasarkan jadual-jadual yang dipaparkan dalam bukunya *Spareck ende woord-boeck*, Fredrick Houtman cuba menunjukkan bahawa kata kerja dalam bahasa Melayu juga boleh dijadikan penanda kala. Makalah ini membincangkan jadual konjugasi Frederick Houtman dengan memberi tumpuan terhadap aspek kala dari perspektif sejarah linguistik. Model *Climate of Opinion* Koerner akan digunakan untuk menghuraikan aspek kala tersebut. Dapatan memperlihatkan bahawa pemaparan jadual konjugasi tersebut adalah sejajar dengan suasana keintelektualan pada abad ketujuh belas. Pada abad ini penulis nahu memberi penekanan kepada aspek konjugasi disebabkan oleh pengaruh daripada bahasa Latin. Penulisan ini juga sejajar dengan perkembangan penulisan nahu di dunia, atau dengan lain perkataan penulisan ini adalah sejajar dengan suasana keintelektualan pada masa itu. Oleh sebab bahasa Latin adalah *lingua academica* pada waktu itu, maka pengaruhnya tidak dapat dielakkan. Justeru ini menjadikan bahasa Melayu sejajar dengan bahasa lain di dunia, terutama bahasa Latin sebab Latin bermakna nahu.

Katakunci: konjugasi; penanda kala; pronominal; suasana keintelektualan; kata kerja

Tenses In 17th Malay Grammar: Dutch perspectives

ABSTRACT

The Malay language has no tenses like Latin, English and Dutch. In Malay, tenses or time has not been marked because the hearer can decide based on contexts and relations in utterances. But in the early observation of the Dutch people, Malay was viewed from the same perspectives as Dutch language. Malay was considered the same as the Dutch language which has tenses in verbs. Frederick Houtman presented the Dutch and Malay conjugations in the form of tables in his conversation book *Spareck ende woord-boeck*. In these conjugation tables Frederick Houtman tried to show that verbs in Malay also can be used as a tense marker. This paper discusses the conjugation tables presented by

ISSN: 1675-8021

Frederick Houtman which focus on tenses from the perspective of history of linguistics. Koerner *climate of opinion* model will be used to discuss the tenses. The findings show that the conjugation tables were parallel with the climate of opinion in the 17th century. In this century, the grammarian's emphasis on conjugation is due to the influence of Latin. It is also in line with the development of grammar writing which was taking place around the world at that time. As Latin was a *lingua academica* at that time, the influence cannot be avoided. Thus, this make Malay a language parallel with other languages in the world, especially Latin, because Latin means grammar.

Keywords: conjugation; tense marker; pronouns; climate of opinion; verb.

PENGENALAN

Kajian terhadap nahu Melayu abad ke-17 sudah banyak dilakukan. Kebanyakan kajian memberi tumpuan kepada nahu Roman (1655) (lihat Gonda, 1936; Harimurti, 1991; Collins, 1991). Walaupun dalam buku perbualan Houtman (1603) *Spareck ende woord-boeck* (1603) sudah terdapat paparan aspek konjugasi tetapi ia tidak mendapat perhatian para sarjana (Karim, 2006). Pengkaji hanya memberi tumpuan kepada daftar kata yang terdapat dalam buku tersebut (lihat Lombard, 1970; Suratminto, 2003). Penelitian terhadap aspek nahu di dalam buku perbualan Houtman (1603) ini tidak mendapat perhatian oleh para pengkaji mungkin disebabkan oleh nahu bahasa Melayu yang tidak mempunyai sistem konjugasi. Namun, jika dilihat berdasarkan suasana keintelektualan pada waktu tersebut (Collins, 1992, 1996), pemaparan jadual konjugasi ini adalah sejajar dengan perkembangan penulisan nahu pada zaman tersebut.

Salah satu aspek yang dipaparkan dalam jadual konjugasi tersebut ialah aspek kala. Aspek kala dalam bahasa Melayu berbeza dengan bahasa Belanda kerana kala atau waktu sesuatu pekerjaan yang dilakukan dalam bahasa Melayu sering kali tidak dinyatakan kerana pendengar boleh menentukan waktunya berdasarkan hubungan dan konteks sesuatu ujaran. Jika perlu, ia akan dilakukan dengan bantuan kata keterangan seperti *kemarin, sekarang, nanti, tak lama lagi* dan sebagainya (Fokker, 1954). Namun, dalam bahasa Belanda, seperti juga bahasa Latin, waktu atau kala dinyatakan di dalam kata kerja.

Dalam pemerhatian awal oleh orang Belanda, bahasa Melayu dilihat dari perspektif yang sama dengan bahasa Belanda. Bahasa Melayu juga dianggap mempunyai penanda kata kerja seperti bahasa Belanda. Perbincangan tentang kala dalam bahasa Melayu ini berkesinambungan, bukan hanya terdapat dalam buku Frederick Houtman (1603), malah orang Belanda yang menulis nahu selepas Frederick Houtman (1603) seperti Danckaerts (1623) yang menulis nahu dalam kamus Wilten dan Danckaerts (1623) dan Roman (1655) turut membincangkannya. Justeru makalah ini akan membincangkan sistem kala yang terdapat dalam jadual nahu Frederick Houtman (1603).

METODOLOGI KAJIAN

Teeuw (1959, hlm. 138) menyatakan "...the history of this language was yet hardly ever the subject of scientific research...", walaupun data untuk kajian sangat banyak. Justeru dalam kajian ini data yang digunakan untuk membincangkan aspek kala adalah data

daripada tulisan abad ke-17, yang diambil daripada sisipan nahu yang berjudul ‘Dier nae volcht de Conjugatie’. Sisipan nahu ini terdapat dalam buku Frederick Houtman (1603) yang berjudul *Spraeck ende Woord-boeck, inde Maleysche ende Madagaskarsche Talen (1603)*. Dalam sisipan konjugasi ini, Houtman (1603) tidak memberikan jenis-jenis konjugasi pada jadualnya. Beliau hanya memaparkan sebelas jadual yang dilabelkan sebagai konjugasi tanpa sebarang penjelasan. Oleh yang demikian, dalam makalah ini, jadual-jadual yang dipaparkan oleh Houtman (1603) akan dikategorikan mengikut sistem kala bahasa Belanda moden sebagai asas perbandingan. Data yang telah dikategorikan mengikut sistem kala bahasa Belanda kemudiannya akan dibincangkan dari perspektif sejarah linguistik.

Dalam penghuraian ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan *climate of opinion* (Koerner, 1978, 1995; Karim, 2009) untuk meneliti konjugasi yang dipaparkan oleh Houtman (1603, hlm. 183-184). *Climate of opinion* (Koerner, 1978, 1995) digunakan untuk membantu meneliti keadaan persekitaran intelektual period yang diteliti dalam suatu persekitaran sosioekonomi, politik, dan budaya yang sama.

DAPATAN

Berdasarkan analisis data, didapati daripada sebelas jadual yang dipaparkan oleh Houtman (1603), lima adalah jenis kala, iaitu kala kini, kala lampau selesai, kala akan datang dengan kata kerja *hebben*; kala kini dan kala lampau selesai dengan kata kerja *zijn*. Berikut dihuraikan kelima-lima jenis kala yang dipaparkan dalam jadual konjugasi tersebut:

KALA KINI DENGAN KATA KERJA HEBBEN

Kala kini merupakan bentuk kala dari kata kerja yang menunjukkan perbuatan itu terjadi pada waktu pengujaran (Matthews, 1997). Dalam jadual pertamanya Houtman (1603) memaparkan konjugasi kala kini menggunakan kata kerja *hebben*. Jadual ini dibahagikan kepada tiga bahagian; pertama, bahagian bahasa Belanda yang terdiri daripada pronomina dan kata kerja; kedua, bahagian pronomina bahasa Melayu dan ketiga, bahagian kata kerja bahasa Melayu. Dalam jadual ini, konjugasi kala kini dapat dilihat berdasarkan kata kerja yang mengikuti pronomina, iaitu kata kerjanya berubah bersesuaian subjek atau diri. Jadual kala kini Houtman (1603) adalah seperti Jadual 1.

JADUAL 1. Konjugasi kala kini (sedang) Houtman (1603)

Ick hebbe	Amba	
Ghy hebt	Tun	
Hy heeft	Dya	
Wy hebben	Kyta	
Ghy luyden hebt	Kamoe	Adda
Zy luyden hebben	Orang dya	

bahasa Belanda kata kerja berubah bersesuaian dengan subjek. Dalam Jadual 1 Houtman (1603) memperlihatkan bagaimana perubahan pronomina persona pertama, kedua dan ketiga yang berfungsi sebagai subjek mempunyai kata kerja yang berubah-ubah. Pronomina persona pertama *ick* mengambil kata kerja *hebbe*, pronomina persona kedua

ghy pula mengambil kata kerja *hebt* dan pronomina persona ketiga *hy* mengambil kata kerja *heeft*. Bukan sahaja sistem pronomina yang akan mengubah kata kerja, tetapi bilangan juga turut mengubah kata kerja. Pronomina-pronomina *ick*, *ghy* dan *hy* dikategorikan dari segi bilangan sebagai tunggal atau mufrad. Manakala persona *wy*, *ghy luyden*, *zy luyden* dikategorikan sebagai jamak (lihat Jadual 2).

JADUAL 2. Bentuk tunggal dan jamak berdasarkan jadual kala kini Houtman (1603)

Tunggal	1. Ick hebbe
	2. Ghy hebt
	3. Hy heeft
Jamak	1. Wy hebben
	2. Ghy luyden hebt
	3. Zy luyden hebben

Dalam kategori jamak pronomina persona pertama *wy* mengambil bentuk kata kerja *hebben*. Pronomina persona kedua *ghy luyden* mengambil kata kerja *hebt* dan pronomina persona ketiga *zy luyden* mengambil kata kerja *hebben*. Perbezaan kata kerja untuk pronomina persona kedua *ghy luyden* (*kamoe*) agak berbeza. Dalam pronomina persona kedua tunggal *ghy* (*tun*) mengambil kata kerja bantu *hebt*, tetapi dalam pronomina persona kedua jamak yang menggunakan pronomina *ghy luyden* yang membawa maksud *kamoe* (jamak) masih menggunakan kata kerja bantu *hebt* sama seperti kata kerja bantu untuk persona kedua tunggal *ghy*.

Penggunaan kata kerja *hebt* yang mengikuti persona *ghy* dan *ghy luyden* adalah disebabkan oleh sistem bahasa Belanda yang tidak mempunyai persona kedua tunggal. Oleh itu, sistem persona kedua jamak *gij/ghy* digunakan sebagai persona kedua tunggal (Schnitzler, 1919). Untuk membezakan bentuk tunggal dan jamak untuk persona kedua, Houtman (1603) menambah *luyden/lieden*. Schnitzler yang menulis tiga ratus tahun kemudian juga menggunakan persona kedua jamak *gij* diikuti kata kerja *hebt*. Schnitzler tidak memasukkan persona kedua tunggal kerana bagi beliau bahasa Belanda secara formal tidak mempunyai bentuk persona kedua tunggal, manakala Houtman (1603) pula memasukkan bentuk persona kedua tunggal. Dalam bentuk jamak, kedua-dua penulis memasukkan persona kedua. Schnitzler (1919) menggunakan persona *gij*, dan Houtman (1603) pula menggunakan *ghy luyden*. Masing-masing penulis juga menggunakan kata kerja yang sama, iaitu *hebt*. Jika mengikut rumus bahasa Belanda, bentuk jamak adalah *hebben*. Namun, menurut Suratminto (2008) bahasa Belanda mempunyai bentuk persona kedua tunggal. Penggunaan *ghy luyden* + kata kerja persona kedua tunggal adalah bentuk yang sangat formal. Hal ini boleh dipadankan dengan bahasa Belanda Moden, iaitu dengan bentuk persona kedua *U* yang boleh digunakan dalam bentuk tunggal dan jamak. Berdasarkan perbandingan ini, jelas bahawa Houtman (1603) memilih bentuk yang sangat formal dan sopan disebabkan oleh Houtman (1603) mempunyai hubungan dengan pembesar-pembesar ketika beliau berada di Aceh. Perbezaan pandangan Schnitzler (1919) dengan Suratminto (2008) ini mungkin disebabkan oleh penggunaan bahasa Belanda dalam konteks formal dan informal.

Houtman (1603) memadankan penggunaan pronomina dan perubahan kata kerja bahasa Belanda dengan bahasa Melayu. Dalam pepadanan ini, pronomina pertama, kedua, dan ketiga berserta bentuk tunggal dan mufrad bahasa Melayu juga dipaparkan. Pronomina bentuk tunggal yang dipaparkan ialah, pertama *amba*, kedua *tun*, ketiga *dya*.

Pronomina bentuk mufrad pula ialah pertama *kyta*, kedua *kamoe* dan ketiga *orang dya*. Dalam bahasa Melayu perubahan pronomina persona tidak membawa sebarang perubahan dalam kata kerja. Oleh itu, Houtman (1603) menggunakan kata kata kerja yang sama untuk bahasa Melayu, iaitu kata kerja *adda*. Begitu juga dengan semua pronomina persona bahasa Melayu, sama ada bentuk tunggal mahupun mufrad, masing-masing mengguna kata kerja *adda*. Houtman (1603) menggunakan kata kerja bantu *adda* sebagai penanda kala kini dalam bahasa Melayu.

KALA SELESAI (PERFECTUM) DENGAN KATA KERJA HEBBEN

Jadual kedua Houtman (1603) boleh dikategorikan sebagai jadual kala selesai (*perfectum*). Kala selesai ialah bentuk kala dari kata kerja yang membawa maksud sesuatu perbuatan itu telah dilakukan. Dalam bahasa Latin misalnya, *cantavi* ‘saya sudah menyanyi’ merupakan kata kerja kala selesai. Dalam kala ini yang dipentingkan ialah hasil sesuatu kerja itu (Fokker, 1954).

Dalam bahasa Belanda, untuk membentuk kala ini diperlukan kata kerja bantu *hebben* atau *zijn* yang berperanan sebagai PV (*persoonsvorm*) dan kata kerja sendiri dalam bentuk partisipel. Misalnya:

Bahasa Belanda	Bahasa Melayu
Hij heeft hard gewerkt	Dia sudah bekerja keras

Untuk menunjukkan kala selesai Houtman (1603) menggunakan kata kerja bantu *hebben* seperti dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Kala Selesai (*perfectum*) Houtman (1603)

Ick hebbe ghehadt	Amba	
Ghy hebt ghehadt	Tun	
Hy heeft ghehadt	Dya	
Wy hebben ghehadt	Kyta	Adda iang souda.
Ghy luyden hebt ghehadt	Kamoe	
Zy luyden hebben ghehadt	Orang dya	

Houtman (1603) menggunakan kata kerja bantu *hebben* yang bertasrif dengan kata kerja *ghehadt* untuk membentuk kala selesai. Beliau meletakkan kata kerja *ghehadt* selepas kata kerja bantu *hebben*. Misalnya dalam bentuk tunggal, pronomina persona pertama *ick*, diikuti oleh kata kerja bantu *hebbe* dan juga *ghehadt*; pronomina persona kedua *ghy* diikuti oleh kata kerja bantu *hebt* dan diikuti oleh kata kerja *ghehadt*, dan pronomina persona ketiga *hy* diikuti oleh kata kerja *heeft* dan *ghehadt*. Bentuk jamak juga seperti bentuk tunggal. Persona pertama, *wy* diikuti oleh kata kerja bantu *hebben* dan diikuti oleh kata kerja *ghehadt*, pronomina persona kedua *ghy luyden* diikuti oleh kata kerja bantu *hebt* dan kata kerja *ghehadt* dan pronomina ketiga, *zy luyden* diikuti oleh kata kerja *hebben* dan *ghehadt*. Seperti dalam kala kini, pronomina persona kedua jamak dalam kala lampau ini juga tidak menuruti rumus nahu Belanda. Seharusnya *ghy luyden* menerima kata kerja bantu *hebben* bukan *hebt*.

Konjugasi kala selesai ini diberi padanan dalam bahasa Melayu. Jika dalam kala kini, Houtman (1603) memadankan kata kerja *hebben* dengan kata kerja bantu Melayu *adda*, dalam kala selesai pula Houtman (1603) menggunakan frasa *adda iang souda*.

Frasa *adda iang souda* menjadi penanda kala selesai dalam bahasa Melayu sepadan dengan kata kerja bantu *hebben* yang ditasrifkan dengan *ghehad*. Dalam kala lampau ini, kata kerja bantu juga berubah bersesuaian dengan subjek. Namun kata kerja *ghehad* yang berasal daripada infinitif *hebben* tidak berubah.

Dalam bahasa Melayu, Houtman (1603) menggunakan pronomina persona bentuk tunggal; pertama *amba*, kedua *tun*, ketiga *dya*. Untuk persona bentuk jamak pula, beliau mengguna pronomina persona pertama *kyta*, kedua *kamoe*, dan ketiga *orang dya*. Semua pronomina persona ini, sama ada bentuk tunggal mahupun jamak mengambil frasa kerja *adda iang souda*. Houtman (1603) menggunakan perkataan *adda* sebagai padanan kata kerja bantu *hebben* yang berubah menjadi *hebbe*, *hebt*, *heeft*, *hebt* dan *hebben* (lihat Jadual 1), manakala kata kerja *ghehad* (sekarang *gehad*) dipadankan dengan kata *iang souda*.

KALA MENDATANG (*FUTURUM*) DENGAN KATA KERJA HEBBEN

Futurum atau kala mendatang ialah kala yang menunjukkan perbuatan yang akan dilakukan. Dalam bahasa Inggeris kala ini dibentuk oleh *will + infinitif*, misalnya *She will come* (Bussmann, 1996). Dalam bahasa Belanda, biasanya kala ini dibentuk oleh *zullen + infinitif*. Kata kerja bantu *zullen* merupakan salah satu daripada kata bantu yang penting dalam bahasa Belanda. Biasanya kata kerja bantu ini akan dilengkapi dengan kata kerja lain sama ada dalam bentuk kata kerja *hebben*, *zijn*, atau sebagainya misalnya *ik zal gehad hebben* dan *ik zal geweest zijn* (Schnitzler, 1919: Appendix 3 & 5), dan *ik zal morgen gekomen*.

Dalam Jadual Houtman (1603, hlm. 183-184), terdapat satu jadual yang mengandungi bentuk kala mendatang dalam bahasa Belanda dengan diberi padanannya dalam bahasa Melayu. Jadual ini adalah seperti dalam Jadual 4. Dalam konjugasi kala mendatang ini Houtman (1603) hanya menggunakan kata kerja *hebben*. Dengan demikian kala mendatang Houtman (1603) ialah *zullen + hebben*. Kata bantu *zullen* dieja sebagai *sullen*.

JADUAL 4. Konjugasi Kala Mendatang (futuram) Houtman (1603)

Ick sal hebben	Amba	
Ghy sult hebben	pada tun	
Hy sal hebben	pada dya	
Wy sullen hebben	pada kyta	Adda
Ghy luyden sult hebben	pada kamoe	
Zy luyden sullen hebben	pada orang dya	

Daripada Jadual di atas, kita dapat melihat pemadanan bahasa Belanda dengan bahasa Melayu yang dilakukan oleh Houtman (1603). Beliau memadankan *ick sal hebben* dengan *amba adda*, *ghy sult hebben* dengan *pada tun adda*, *hy sal hebben* dengan *pada kyta adda*, *ghy luyden sult hebben* dengan *pada kamoe adda* dan *zy luyden sullen hebben* dengan *pada orang dya adda*.

Konjugasi kala mendatang Houtman (1603) yang mengguna *sullen + hebben* boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai *akan + ada*. Dengan kata lain dalam bahasa Melayu kata kerja bantu *zullen* boleh diterjemahkan sebagai kata kerja bantu *akan*, misalnya *ik zal morgen op tijd komen* ‘besok saya akan datang tepat waktu.’

Namun, Houtman (1603) tidak menggunakan kata bantu *akan*, sebaliknya beliau menggunakan kata *pada*. Untuk persona pertama tunggal *amba*, Houtman (1603) tidak menggunakan kata *pada*. Beliau hanya menggunakan kata kerja *adda*, iaitu *Amba adda* untuk dipadankan dengan *ick sal hebben*. Untuk persona kedua dan ketiga tunggal; dan persona pertama, kedua, dan ketiga jamak, Houtman (1603) menggunakan *pada* yang diletakkan sebelum persona-persona tersebut, misalnya *pada tun adda*, *pada dya adda*, *pada kyta adda*, *pada kamoe adda*, dan *pada orang dya adda*. Berdasarkan contoh yang diberikan oleh Houtman (1603), boleh dinyatakan bahawa kata kerja bantu *sullen* (*zullen*) itu dipadankan dalam bahasa Melayu dengan kata *pada* yang dikenali sekarang sebagai preposisi (Maslida, 2009), manakala kata kerja *hebben* dipadankan dengan kata kerja *adda*.

Houtman (1603) tidak menggunakan kata *akan* untuk menggantikan kata kerja bantu *zullen* kerana pada abad keenam belas dan ketujuh belas, *akan* berfungsi sebagai preposisi bukan sebagai kata bantu. Manakala *pada* pula, walaupun hanya berfungsi sebagai preposisi, tidak berfungsi sebagai kata bantu, tetapi *pada* mempunyai fungsi yang banyak, iaitu menunjukkan tempat, waktu, dan perjalanan peristiwa. Preposisi *akan* tidak mempunyai makna yang menunjukkan waktu, tetapi *pada* mempunyai fungsi yang menunjukkan keterangan waktu. Justeru, Houtman (1603) menggunakan *pada* untuk menunjukkan keterangan waktu mendatang.

KALA KINI (PRESENTUM) DENGAN KATA KERJA ZIJN

Houtman (1603) juga memaparkan bentuk kala kini yang mengguna kata kerja *zijn*. Jadual ini terdiri daripada empat ruangan. Dalam ruangan pertama beliau memaparkan pronomina diikuti dengan kata kerja *zijn*, manakala dalam ruang kedua beliau memaparkan kata adverbial *daer*. Ruangan ketiga dan keempat pula adalah padanannya dalam bahasa Melayu. Jadual kala kini mengguna kata kerja *zijn* Frederick Houtman (1603) adalah seperti dalam Jadual 5.

JADUAL 5. Kala kini (presentum) dengan kata kerja *zijn* Houtman (1603)

Ick ben		Amba saja	
Ghy zijt		Tun saja	
Hy is	Daer	Dya saja	Sana
Wy zijn		Kyta saja	
Ghy luyden zijt		Kamoe saja	
Zy luyden zijn		Orang dya saja	

Dalam Jadual 5, yakni kala kini yang mengguna kata kerja *zijn* ini, Houtman(1603) memadankan *ick ben daer* dengan *amba saja sana*, *ghy zijt daer* dengan *tun saja sana*, *hy is daer* dengan *dya saja sana*, *wy zijn daer* dengan *kyta saja sana*, *ghy luyden zijt daer* dengan *kamoe saja sana* dan *zy luyden zijn daer* dengan *orang dya saja sana*.

Dalam kala kini, kala selesai, dan kala mendatang yang menggunakan kata kerja *hebben*, Houtman (1603) memadankan kata kerja *hebben* dengan kata kerja bantu *adda* dalam setiap kala tersebut. Dalam kala kini, Houtman (1603) menggunakan kata kerja bantu *adda*, misalnya *amba adda*; dalam kala selesai, misalnya *amba adda iang souda*; dalam kala mendatang, misalnya *pada tun adda*. Namun dalam kala kini yang menggunakan kata kerja *zijn*, Houtman (1603) tidak menggunakan kata kerja bantu *adda*.

Beliau memadankan kata kerja *zijn* dengan *sajia* (saja) dalam bahasa Melayu. Sesungguhnya pepadanan ini adalah untuk menyesuaikan kata kerja *zijn* tersebut dan cuba mengelakkan daripada pengulangan penggunaan kata *adda*. Dalam bahasa Melayu sekarang, *Ick ben daer* boleh diterjemahkan sebagai 'saya di sana' atau 'saya berada di sana.' Dengan itu, penambahan *sajia* (saja) adalah padanan kata kerja *zijn* tetapi padanan ini tidak memperlihatkan kala kini seperti kata bantu *adda* dalam jadual kala kini yang mengguna kata kerja *hebben*. Kala kini dalam jadual ini hanya dapat dikesan melalui kata kerja *zijn* dalam bahasa Belanda. Dalam kala kini ini, kata kerja *zijn* diikuti dengan adverba *daer*. Houtman (1603) memadankan adverba *daer* dengan kata arah *sana* dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Belanda adverba *daer* merupakan adverba arah dan tempat.

Walaupun *sajia* tidak memperlihatkan kala dalam bahasa Melayu, tetapi pepadanan kata kerja *zijn* dengan *sajia* (sahaja) yang dilakukan oleh Houtman (1603) adalah sesuai. Ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 6 yang disesuaikan daripada Renier (1942, hlm. 1):

JADUAL 6. Kata Kerja *Zijn* (Renier, 1942)

Tunggal	1.ik ben	=	I am	= saya ialah
	2.jij bent	=	you are	= awak ialah
	hij is	=	he is	=dia ialah
	3.zij is	=	she is	= dia ialah
	het is	=	it is	= itu ialah
Jamak	1.wij zijn	=	we are	= kami ialah
	2.jullie zijn	=	you (people) are	=awak ialah
	3.zij zijn	=	they are	=mereka ialah

Berdasarkan Jadual di atas, dapat dilihat penggunaan kata kerja *zijn* berbanding bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu kata kerja *zijn* boleh juga diterjemahkan sebagai *ialah*. Namun, Houtman (1603) tidak menggunakan *ialah* sebaliknya mengguna *sajia* (sahaja) kerana *sajia* lebih sesuai dalam konteks ayat yang diberikan, misalnya:

- (a). *amba sajia sana*
- (b). **amba ialah sana*

Ayat (a) yang mengguna kata *sajia* adalah lebih sesuai berbanding ayat (b) yang mengguna kata *ialah*. Houtman (1603) menggunakan kata *sajia* untuk dipadankan dengan kata kerja *zijn* dan juga mungkin menjadikannya sebagai penanda kala kini untuk membezakannya dengan kala kini yang mengguna kata kerja *hebben*.

KALA SELESAI (*PERFECTUM*) DENGAN KATA KERJA *ZIJN*

Di samping kala selesai (*perfectum*) yang mengguna kata kerja *hebben*, Houtman (1603) juga memaparkan jadual yang boleh juga dikategorikan sebagai kala selesai (*perfectum*) yang mengguna kata kerja *zijn*.

'*Perfectum*' merupakan istilah yang diperkenalkan dalam bahasa Latin yang secara tradisonalnya dipanggil sebagai '*past perfect*' (Matthews, 1997). Dalam bahasa

Inggeris ‘*past perfect*’ dibentuk dengan ‘*had + past participle*’. Dalam keadaan tertentu ‘*past perfect*’ menunjukkan masa akhir sesuatu peristiwa yang telah lepas berbanding dengan peristiwa lain yang juga telah lepas, tetapi kemudian dalam urutan peristiwa. ‘*I had worked in Oxford for three years,*’ bentuk ‘*had worked*’ merupakan *past perfect* (Matthews, 1997). Dalam bahasa Melayu istilah yang digunakan ialah ‘kala selesai’. Kala ini menunjukkan perbuatan terjadi pada waktu lampau dalam hubungannya dengan kini (Harimurti, 2001). Dalam sisipan konjugasi Houtman (1603), terdapat satu jadual yang mempunyai ciri-ciri yang boleh dikategorikan sebagai kala selesai. Kala selesai kini Houtman (1603) adalah seperti dalam Jadual 7.

JADUAL 7. Kala Selesai dengan Kata Kerja Bantu *Zijn* Houtman (1603)

Ick hebbe gheweest	Amba sajaia	
Ghy hebt gheweest	tun sajaia	
Hy heeft gheweest	dya sajaia	
Wy hebben gheweest	kyta sajaia	Souda
Ghy luyden hebt geweest	kamoe sajaia	
Zy luyden hebbe geweest	orang dya sajaia	

Berdasarkan Jadual 7, dapat dilihat Houtman (1603) memadankan *Ick hebbe gheweest* dengan *amba sajaia souda*, *Ghy hebt gheweest* dengan *tun sajaia souda*, *Hy heeft gheweest* dengan *dya sajaia souda*, *Wy hebben gheweest* dengan *kyta sajaia souda*, *Ghy luyden hebt geweest* dengan *kamoe sajaia souda*, dan *Zy luyden hebbe geweest* dengan *orang dya sajaia souda*.

Kala selesai yang dipaparkan oleh Houtman (1603) ini agak berbeza dengan bahasa Belanda moden. Dalam bahasa Belanda moden, kala selesai boleh mengambil sama ada kata kerja bantu *hebben* atau *zijn*. Jika mengambil kata kerja bantu *hebben*, bentuk partisipalnya akan mengambil bentuk *gehad* (lihat Jadual 3) dan jika mengambil kata kerja bantu *zijn*, bentuk partisipalnya ialah *geweest*. Misalnya, dalam persona pertama tunggal yang mengambil kata kerja bantu *zijn* akan menjadi *ik ben geweest* bukan *ik heb geweest*. Tetapi Houtman (1603) mengguna kata kerja bantu *hebben* dengan mengambil bentuk partisipel *gheweest* (sekarang *geweest*). Walaupun Houtman (1603) menggunakan kata kerja bantu *hebben* dalam Jadual 7, penyelidik mengkategorikannya sebagai kala selesai kerana Houtman (1603) menggunakan partisipel *gheweest*. Partisipel *geweest* adalah berasal daripada infinitif *zijn*. Mungkin pada abad akhir abad keenam belas penggunaan kata bantu ini masih belum ditetapkan dalam penggunaan.

Dalam Jadual 7, Houtman (1603) juga menggunakan kata *sajaia* (saja) seperti dalam Jadual 6. Namun dalam Jadual 5 Houtman (1603) memadankan *sajaia* dengan kata kerja *zijn*, tetapi dalam Jadual 7 pula Houtman (1603) memadankannya dengan kata kerja *hebben*. Seperti dibincangkan di atas, Jadual 7 ini adalah jadual kala selesai yang mengguna kata kerja *zijn* walaupun Houtman (1603) menggunakan kata kerja *hebben*. Oleh itu, penggunaan *sajaia* adalah tepat, iaitu padanan kepada kata kerja *zijn*. Kata kerja bantu *hebben* (sepatutnya *zijn*) yang ditasrifkan dengan *geweest* dipadankan dengan kata kerja bantu *sudah* untuk membentuk kala selesai dalam bahasa Melayu. Penyelidik berpendapat kata kerja bantu *sudah* menjadi penanda kala selesai dalam bahasa Melayu. Bandingkan misalnya dengan kala selesai yang mengguna kerja bantu *hebben* (lihat Jadual 3) yang juga mengambil kata kerja bantu *sudah*. Yang membezakan kala selesai dengan kata kerja bantu *hebben* dan *zijn* ialah kala selesai yang mengguna kata kerja

bantu *hebben* mengguna frasa *adda iang*, manakala dalam kala selesai yang mengguna kata bantu *zijn* ini, Houtman (1603) menggunakan kata *sajia*. Perkataan ‘*sajia*’ ini diletakkan dalam ruangan yang sama dengan persona, misalnya *amba sajia*, *tun sajia*, *dya sajia*, *kyta sajia*, *kamoe sajia*, *orang dya sajia*. Perkataan ‘*sajia*’ ialah ‘*saja*’ dalam bahasa Melayu sekarang. Namun dalam jadual Houtman (1603), perkataan *sajia* menjadi penanda kata kerja *zijn*.

KESINAMBUNGAN ASPEK KALA DALAM NAHU MELAYU

Walaupun dalam pemaparan aspek kala Houtman (1603, hlm. 183-184) terdapat sebelas jadual kala, namun daripada jadual-jadual tersebut hanya lima kala dalam bahasa Melayu yang dapat dikesan. Tiga daripadanya ialah kala kini, kala lampau selesai, kala akan datang yang menggunakan kata kerja *hebben*, manakala dua lagi ialah kala kini dan kala lampau selesai yang menggunakan kata kerja *zijn*.

Houtman (1603) cuba memadankan kata kerja Melayu yang sesuai dengan kata kerja Belanda. Oleh sebab dalam bahasa Melayu kata kerja tidak mengalami perubahan untuk memperlihatkan kala, maka beliau menggunakan kata-kata tertentu sebagai penanda kala dalam bahasa Melayu. Untuk kala kini beliau menggunakan kata *adda* ‘ada’; untuk kala selesai beliau menggunakan kata *adda iang souda* ‘ada yang sudah’; untuk kala mendatang beliau mengguna kata *pada* + *adda* ‘pada + ada’. Untuk kala kini dan kala selesai dengan kata kerja *zijn*, beliau mengguna perkataan *sajia* ‘sahaja’ untuk menandai kala kini, manakala untuk menandai kala selesai beliau mengguna *sajia* + *souda* ‘sahaja + sudah’. Pemadanan kata-kata Melayu ini disenaraikan seperti dalam Jadual 8.

Jadual 8. Pemadanan kata-kata Melayu dalam konjugasi Houtman (1603)

Kala	<i>Hebben</i> Kata-kata Melayu	Kala	<i>Zijn</i> Kata-kata Melayu
Kala kini	<i>Adda</i>	Kala kini	<i>Sajia</i>
Kala selesai	<i>adda iang souda</i>	Kala selesai	<i>sajia+souda</i>
Kala mendatang	<i>pada+ adda</i>		

Pemberian penanda kala dalam bahasa Melayu ini adalah berdasarkan makna perkataan tersebut. Dengan kata lain, kata-kata bahasa Melayu dipilih bersesuaian maknanya dengan kata kerja Belanda. Untuk kala yang mengambil kata kerja *hebben*, Houtman (1603) memadankannya dengan *adda* ‘ada’. Hanya untuk kala selesai, beliau mengguna kata *adda iang souda* ‘ada yang sudah’, juga untuk kala mendatang beliau mengguna kata *pada* di samping kata *adda* ‘ada’. Pemilihan kata *adda* ‘ada’ sebagai padanan kepada *hebben* memang sesuai.

Perbincangan aspek kala berkesinambungan dalam nahu Melayu yang ditulis oleh Roman (1655) membincangkan kala kini, kala selesai dan kala akan datang. Roman (1655) mengguna kata-kata *adda* ‘ada’ untuk kala kini, *soeda* ‘sudah’ untuk kala selesai dan untuk kala akan datang beliau mengguna *adda* ‘ada’, *jadi* ‘jadi’ dan *mauw* ‘mahu’. Keterangan Roman (1655) tentang penggunaan *adda* ‘ada’ dalam bahasa Melayu lebih jelas berbanding Houtman (1603). Menurut Roman (1655), kewujudan kata bantu *adda* ‘ada’ dalam kala kini adalah bersifat opsyenal. Misalnya dalam dalam ayat *beta poekol*

‘beta pukul’ dan *beta adda poekol* ‘beta ada pukul’. Kedua-dua ayat tersebut merupakan ayat yang membawa maksud kala kini dalam bahasa Melayu. Walaupun ayat pertama tidak mengandungi kata bantu *adda* ‘ada’, tetapi maksud ayat tersebut masih menunjukkan kala kini. Perbandingan sistem kala dalam dalam buku Houtman (1603) dan Roman (1655) adalah seperti dalam Jadual 9.

JADUAL 9. Perbandingan sistem kala bahasa Melayu Houtman (1603) dan Roman (1655)

	Houtman (1603)	Roman (1655)
Kala kini	<i>Adda</i>	<i>Adda</i>
Kala selesai	<i>Adda iang souda</i>	<i>Souda</i>
Kala mendatang	<i>Pada + adda</i>	<i>Adda, jadi, mauw</i>

Berdasarkan huraian di atas, dapat dilihat perbezaan di antara penanda kala Houtman (1603) dengan Roman (1655). Perbezaan ini berlaku kerana kedua-dua penahu mengguna pendekatan yang berbeza. Houtman (1603) menggunakan bahasa Belanda sebagai asas untuk dipadankan dengan bahasa Melayu. Dengan kata lain, Houtman (1603) meletakkan contoh dalam bahasa Belanda, kemudian barulah dicari padanannya dalam bahasa Melayu. Roman (1655) pula melakukan sebaliknya. Beliau menggunakan bahasa Melayu sebagai asasnya, kemudian baru dicari padanannya dalam bahasa Belanda. Di samping itu, Houtman (1603) hanya menggunakan kata kerja *hebben* dan *zijn* tanpa mengguna kata kerja yang lain. Roman (1655) pula menggunakan kata kerja lain dan hanya menjadikan *hebben* dan *zijn* sebagai kata bantu. Dengan pendekatan yang berbeza ini, maka wujudlah perbezaan dalam memberi penandaan kala. Perbezaan yang jelas ialah penggunaan kata *adda* ‘ada’. Houtman (1603) menggunakan *adda* ‘ada’ sebagai kata kerja mandiri, manakala Roman (1655) menjadikan *adda* ‘ada’ sebagai kata bantu yang diikuti oleh kata kerja. Oleh sebab Houtman (1603) menggunakan kata kerja *hebben* dan *zijn*, maka padanannya yang paling sesuai dalam bahasa Melayu adalah *adda* ‘ada’. Dengan demikian, dalam setiap kala yang dipaparkan akan terdapat kata *adda*. Namun, dalam keduanya, *adda* ‘ada’ masih menjadi penanda kala dalam bahasa Melayu.

Hakikatnya, pada pandangan penahu Melayu moden, dalam bahasa Melayu perkataan *adda* ‘ada’ bukan berfungsi sebagai penanda kala. Kata *ada* dikategorikan sebagai kata kerja bentuk tunggal yang boleh berfungsi sebagai predikat tanpa sebarang imbuhan (Nik Safiah et al., 1996). Namun, dalam bahasa Melayu lama, seperti bahasa Melayu abad ke-17, penggunaan kata *ada* sangat produktif. Justeru, tidak hairanlah jika kata *ada* itu mempunyai fungsi yang luas. Pada abad ke-17, *ada* bukan sahaja menjadi penanda kala, seperti yang dilakukan oleh Houtman (1603) dan Roman (1655). Malah kata *ada* juga memainkan peranan dalam pembentukan modus imperatif (Houtman, 1603), dan indikatif (Danckaerts, 1623). Selepas abad ke-17, kata *ada* masih terus dibincangkan di dalam buku-buku nahu. Gerth van Wijk (1909, 1985) misalnya, yang menulis nahu seabad selepas Houtman (1603), Danckaerts (1623) dan Roman (1655) juga masih membincangkan kata *ada*. Beliau memberikan empat bentuk penggunaan kata *ada* dalam bahasa Melayu. Pertama, apabila seseorang hendak memberitahu bahawa sesuatu *ada* atau *terdapat*, maka kata *ada* akan digunakan. Beliau menyamakan fungsi *ada* dengan dengan kata kerja Belanda *zijn*. Kedua, kata *ada* biasanya digabungkan dengan *nya* dan terletak di belakang sesuatu ayat. Dalam kedudukan ini, kata *adanya* membawa maksud memperkuat apa yang diperkatakan terlebih dahulu. Ketiga, kata *ada*

bertugas untuk memperkuat bahawa perbuatan yang diungkapkan kata kerja yang hadir selepasnya benar-benar terjadi atau telah terjadi. Keempat, kata *ada* hadir bersama preposisi *bagi, pada* atau *akan* bertugas untuk menyatakan milik. Van Wijk menyamakan tugas kata *ada* ini sama dengan *hebben* dalam bahasa Belanda.

Daripada aspek kala ini, Houtman (1603) kelihatan benar-benar menerapkan pengetahuannya dalam nahu Belanda ke dalam bahasa Melayu. Beliau melihat bahasa Melayu daripada perspektif bahasa Belanda yang mempunyai kata kerja *hebben* dan *zijn*. Justeru, beliau membuat perbandingan antara konjugasi bahasa Belanda dengan bahasa Melayu. Pendeskripsian sesuatu bahasa secara perbandingan merupakan sesuatu yang sering dilakukan oleh pedagang, dan mubaligh yang menemukan bahasa baru. Biasanya, mereka akan membandingkan bahasa yang mereka temui dengan bahasa Latin atau bahasa mereka sendiri. Dengan demikian, pendekatan yang digunakan oleh Houtman (1603) merupakan sesuatu yang lazim pada waktu itu. Manakala Roman (1655) pula menyedari perbezaan tersebut. Dengan demikian beliau tidak menggunakan bentuk kata kerja *hebben* dan *zijn*. Namun begitu, tidak dapat dinafikan kedua-duanya begitu empiris sewaktu mendeskripsi bahasa Melayu. Keempirisan Houtman (1603) dan Roman (1655) ini terserlah apabila mereka tidak mengikut secara totok acuan nahu Belanda atau nahu Latin. Buktinya, mereka hanya membahagikan kala dalam bahasa Melayu kepada tiga, iaitu kala kini, kala selesai dan kala mendatang. Sedangkan dalam bahasa Belanda, terdapat sekurang-kurangnya enam kala dan bahasa Latin juga mempunyai enam kala.

Walaupun dalam nahu Melayu kontemporari, aspek kala tidak lagi dibincangkan, tetapi dalam nahu abad ke-18 aspek ini masih dapat dikesan. Gerth van Wijk (1909, 1985, hlm. 112-113) misalnya, masih membincangkan aspek kala. Beliau menyatakan aspek kala dalam bahasa Melayu boleh dikesan melalui ayat atau penggunaan kata bantu. Beliau membahagikan kala dalam bahasa Melayu kepada tiga, iaitu waktu sekarang, waktu lampau dan waktu akan datang. Untuk waktu sekarang, kata bantu yang digunakan ialah *ada, lagi, tengah*. Menurut van Wijk waktu sekarang juga bererti imperfektum kerana “perbuatannya digambarkan sebagai berada dalam waktu yang dibicarakan; sekarang, sekarang ini, kini” (Van Wijk, 1909, 1985). Kata bantu untuk menandakan waktu lampau pula ialah *soedah dan telah*, manakala kata bantu untuk waktu akan datang pula ialah *hendak, akan, nanti, maoe, djemah (sekali, sesudah ini), kelak*.

KESIMPULAN

Sesungguhnya, pemaparan aspek kala dalam buku Houtman (1603) ini mempunyai kaitan dengan suasana keintelektualan pada waktu itu. Pada abad keenam belas dan ketujuh belas penulis nahu memberi penekanan kepada aspek konjugasi. Penekanan ini disebabkan oleh pengaruh daripada bahasa Latin. Penulis nahu pada waktu itu cuba memperlihatkan bahawa nahu yang dihasilkan oleh mereka menuruti rumus bahasa Latin. Pada waktu itu, terdapat tanggapan orang ramai bahawa nahu itu bermakna Latin. Dengan kata lain, nahu bersinonim dengan bahasa Latin. Dengan itu, penulis nahu akan sedaya upaya membuktikan bahawa bahasa mereka juga mempunyai rumus seperti bahasa Latin, walaupun sebenarnya tidak. Misalnya Leon Battista Alberti yang menulis nahu Itali sama seperti nahu Latin, walaupun beliau menyedari bahawa bahasa nahu bahasa Itali berbeza dengan bahasa Latin (Law, 2003).

Nahu Houtman (1603) ini adalah salah satu usaha menulis nahu Melayu oleh orang Belanda pada abad ke-17. Walaupun, beliau hanya memaparkan jadual konjugasi, namun di sebaliknya dapat dilihat idea nahu yang lebih luas. Idea nahu Houtman (1603) ini tidak terhenti setakat jadual konjugasi sahaja. Usaha beliau ini dilanjutkan oleh Sebastian Danckaerts (1623) yang menghasilkan nahu Melayu pada tahun 1623. Dengan demikian, bolehlah dianggap bahawa Houtman (1603) adalah perintis kepada penulisan nahu Melayu.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan UKM-SK-05-FRGS0074-2009. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak FRGS yang membiayai penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Bussmann, Hadumod. (1996). *Routledge dictionary of language and linguistics*. Terj. Gregory P. Trauth & Kerstin Kazzazi. London: Routledge.
- Collins, J.T. (1991). The Malay of the oldest Malay grammar: Dialectology and internal evidence. *Jurnal Persatuan Linguistik Malaysia*. Vol. 5, 72-82
- Collins, J.T. (1992). Studying Seventeenth-Century Ambonese Malay: Evidence from F. Caron Sermons (1693). *Cakalele*. Vol. 3, 99-122.
- Collins, J.T. (1996). Bahasa Melayu abad ke-17: Ciri-ciri sosiolinguistik. *Jurnal Dewan Bahasa*. Vol. 5, 388-398.
- Fokker, A.A. (1954). *Ichtsar tatabahasa Latin*. Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Gonda, J. (1936). Over oude grammatika's en ouds in de grammatika. *Indische Gids*. Vol. 59(2), 867-875
- Harimurti Kridalaksana. (2001). Ed. ke-3. *Kamus linguistik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Harimurti Kridalaksana. (1991). Awal tradisi gramatika Eropa di Indonesia: Pembagian kelas kata dalam bahasa Melayu oleh Joannes Roman (1653). Dlm. Harimurti Kridalaksana (pnyt.), *Masa lampau bahasa Indonesia: Sebuah bunga rampai*. hlm. 2-10. Yogyakarta: Penerbit Kanisus
- Houtman, Frederick. (1603). *Spraecck ende word-boeck, inde Malaysche ende Madagaskarsche Talen met vele Arabische ende Tursche woorden: Inhoudende twaalf tsamensprekinghen inde maleysche ende drie inde Madagaskarsche spraken met alderhande woorden ende namen ghestelt naer ordre vanden A.B.c. alles in Nederduytsch verduyts*. Amsterdam: Jan evertsz. Cloppenburch Boeckvercoper op 't Water inden groten Bijbel.
- Karim Harun. (2006). Aspek konjugasi dalam buku perbualan Houtman (1603). *Jurnal Pengajian Melayu*. Vol. 17, 362-382.
- Karim Harun. (2009). Pengaruh tatabahasa Eropah dalam tatabahasa Melayu awal. *Jurnal Bahasa*. Vol. 9(1), 40-56.
- Karim Harun. (2011). Bahasa Melayu bukan bahasa Universal: Perspektif abad ke-17. *Jurnal Bahasa*. Vol. 22, 1-7.

- Koerner. E. F. K. (1978). *Toward a Historiography of linguistics*. Amsterdam: John Benjamins B.V.
- Koerner & Asher (pnyt.). (1995). *Concise History of the language sciences. From the Sumerian to the cognitivists*. Oxford: Pergamon, Elsevier.
- Law, V. (2003). *The history of linguistics in Europe: From Plato to 1600*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lombard, D. (1970). *Le "spraeck ende woord-boek" de Frederick Houtman*. Paris: Ecole Francaise d'Extreme-orient.
- Maslida Yusof. (2009). Analisis preposisi lokatif bahasa Melayu berdasarkan kerangka Role and Reference Grammar (RRG). *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 9(1) 17-32.
- Matthews, P.H. (1997). *Oxford concise dictionary of linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmod. (1996). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Renier, Fernand, G. (1942). *Learn Dutch*. Ed. ke-2. London: Kegan Paul, Trench, Trubner & Co., Ltd.
- Roman. Joannes. (1655). *Grondt ofte kort bericht van de Maleysche tale, vervat in twee deelen; het eerste handelende van de letters ende haren aenhangh het andere, van de deelen eener Redene*. Amsterdam: Paulus Mattysz.
- Schnitzler, J.M. (1919). *Dutch grammar*. Ed. Ke-2. London: Hirschfeld Brothers.
- Suratminto, L. (2008). *Tatabahasa lengkap Mudah dan Praktis: Untuk kemahiran membaca, berbicara dan menulis*. Jakarta: PT Grasindo.
- Suratminto. L. (2003). *Spraeck ende Woord-boeck in de Maleysche ende Madagaskarsche Talen met vele Arabische ende Tursche woorden sebagai pembuka tabir bahasa dan budaya Melayu bagi bangsa-bangsa Eropa 400 tahun yang lalu*. Dlm. Suratminto, L dan Holil, M. (pnyt.) *Rintisan kajian lesikologi dan lesikografi* (hlm. 238-248). Depok: Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya Universitas Indonesia.
- Teeuw, A. (1959). The history of the Malay language : A preliminary survey. *Bijdragen tot de Tall-, land- en Volkenkunde*. Vol. 115, 138-156.
- Van Wijk, D.G. (1909 & 1985). *Tata bahasa Melayu*. Terj. Jakarta: Penerbit Djambatan
- Wiltens, Caspar. & Danckaerts, S. (1623). *Vocabularium, ofte Vvoort-boeck, naer ordre vanden Alphabet in't Duytsch-Maleysch, ende Maleysch-Duystch*. 'S Gravenhaghe: de Wedue, ende Erfghenamen van Wijlen Hillebrant Ja-.

PENULIS

Karim Harun (Ph.D) ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengkhusus dalam bidang sejarah linguistik dan psikolinguistik.

Maslida Yusof (Ph.D) ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian dan penulisan beliau lebih terarah kepada bidang semantik leksikal (khususnya kata kerja) dan pragmatik.